

Produk rumpai laut dijangka meningkat

Penambahan kawasan biak tambah hasil

Oleh Suzianah Jiffar

suzianah@bharian.com.my

BII 07.03.2012 2

KOTA KINABALU: Pengeluaran hasil produk rumpai laut kering dijangka meningkat 35,000 tan tahun ini dengan penambahan kawasan sasaran seluas 3,000 hektar di beberapa lokasi pantai timur Sabah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Johari Baharum, berkata ketika ini seluas 8,000 hektar kawasan di pantai timur negeri ini sudah diusahakan dengan penanaman rumpai laut, membabitkan 1,156 pengusaha.

Katanya, penambahan kawasan penanaman itu bakal menjadikan keluasan keseluruhan untuk aktiviti itu kepada 11,000 hektar sehingga akhir tahun ini.

"Tahun lalu, pengeluaran rumpai laut kering adalah kira-kira 23,000 tan metrik dengan nilai RM66.2 juta. Pengeluaran dan pulangan tahun ini dijangka meningkat sejajar pertambahan kawasan penanaman. Kita harap menjelang 2020, Pendapatan Negara Kasar (PNK) menerusi projek rumpai laut mencecah RM1.4 bilion dengan peluang pekerjaan kepada 12,700 petani di Sabah."

"Projek penanaman rumpai laut turut diberi penekanan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sebagai produk berimpak tinggi selain penternakan burung walit dan ikan arowana," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian Projek Estet Mini Rumpai Laut bersama syarikat peneraju di Wisma Pertanian di sini, semalam.

Majlis menandatangani Perjanjian Projek Estet Mini Rumpai Laut dilakukan UMS yang mewakili kerajaan dengan 11 syarikat peneraju

• ZUNNUR AL SHAFIQ | BERITA HARIAN



JOHARI bersama Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin melihat rumpai laut selepas majlis menandatangani perjanjian Projek Estet Mini Rumpai Laut bersama syarikat peneraju di Wisma Pertanian di Kota Kinabalu, semalam.

bagi projek berkenaan di Semporna dan Kunak termasuk Avanova Group Sdn Bhd, Ko-Nelayan Sabah, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kunak, Sebangkat Reef Eco Plant Sdn Bhd dan UMS Link Holdings Sdn Bhd.

Ketika ini, kebanyakan pengusaha yang terbatit dalam penanaman rumpai laut masih menggunakan kaedah tradisional dengan produktiviti dan kualiti rendah, selain ber-

gantung kepada tenaga buruh ramai.

Johari berkata, kerjasama itu diyakini berupaya meningkatkan hasil pengeluaran rumpai laut kering kerana lebih teratur selain menggunakan teknologi tinggi.

Beliau berkata, RM750,000 diperuntukkan bagi membangunkan Piaawaian Rumpai Laut di peringkat ladang hingga peringkat pemprosesan tahun ini.